

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-602 BIL.8/2024  
28 OGOS 2024**

---

**1) PENAMATAN DAN PELANTIKAN BAHARU AHLI MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menerima pelantikan baharu seorang Ahli Majlis MBSP iaitu Encik Mohamad Suzuki bin Ahmad daripada Parti Amanah Negara (AMANAH) yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 22/2024 pada 24 Julai 2024 daripada Pihak Berkuasa Negeri. Pelantikan Ahli Majlis MBSP dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 10 (1) Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis telah diadakan pada 1 Ogos 2024 di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya, MBSP.

MBSP mengucapkan tahniah di atas pelantikan Ahli Majlis MBSP Sesi 2023/2024 dan berharap dapat menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dan kehendak Seksyen 10 (1) Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

Manakala Puan Normahani binti Muhamad tidak lagi berkhidmat sebagai Ahli Majlis bermula 31 Julai 2024.

MBSP ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala sumbangan dan perkhidmatan yang telah diberikan sepanjang tempoh memegang jawatan sebagai Ahli Majlis MBSP.

## **2) PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG (DKBP) TAHUN 2024**

Bersempena Hari Ulang Tahun Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang ke-75 pada 13 Julai 2024, Tuan Yang Terutama Tun berkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri kepada mereka yang telah berjasa kepada Negara / Negeri dalam apa juar lapangan.

Tahniah diucapkan kepada Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MBSP atas kurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2024.

Senarai pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang (DKBP) Tahun 2024 kepada Ahli Majlis, pegawai, kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>JABATAN</b>	<b>PINGAT</b>
1	Anuar bin Yusoff	Ahli Majlis	-	Pingat Kelakuan Terpuji (PKT)
2	Nazri bin Abdul Wahab	Pengarah	Direktorat Penguatkuasaan	Pingat Kelakuan Terpuji (PKT)

3	Mohd Faidrol bin Mohd Razi	Pengarah	Pelesenan	Pingat Kelakuan Terpuji (PKT)
4	Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin	Pengarah	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Kelakuan Terpuji (PKT)
5	Amirul Ariff bin Abdul Rahman	Ketua Bahagian	Keselamatan Dan Komuniti	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
6	Norshazila binti Alias	Timbalan Pengarah	Perbendaharaan	Pingat Kelakuan Terpuji (PKT)
7	Nur Faradilla binti Fahruddin	Penolong Pengarah Kanan	Perancang Bandar	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
8	Raja Mashitah binti Raja Zainal	Penolong Pengarah Kanan	Teknologi Informasi Dan Komunikasi	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
9	Fazidah binti Abdul Malik	Penolong Akauntan	Perbendaharaan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
10	Rusmi binti Darus	Pembantu Tadbir Kanan	Pengurusan Sumber Manusia	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
11	Yogeswari a/p Suppiah@Subramanian	Pembantu Tadbir Kanan	Pengurusan Krisis	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)

12	Subramiam a/l Perumal	Pembantu Tadbir	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
13	Noor Lela binti Shaari	Pembantu Tadbir	Perbendaharaan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
14	Zauyah binti Saad	Pembantu Tadbir	Bangunan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
15	Rosmina binti Hassan	Pembantu Tadbir	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
16	Rahmat bin Adnan	Pembantu Tadbir	Pengurusan Krisis	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
17	Amran bin Md. Shariff	Pembantu Awam	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
18	Abdul Rahim bin Ahmad Kutty	Pembantu Awam	Kejuruteraan	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)

19	Hamid bin Abdul Majid	Pemandu Kenderaan	Pengurusan Krisis	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
20	Muhamad Shauqi bin Fadzail	Pembantu Awam	Pengurusan Krisis	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
21	Dauandaran a/l Chanthera Segaran	Pekerja Awam	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
22	Zakaria bin Ismail	Pekerja Awam	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)

### **3) PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa MBSP telah melantik satu (1) orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Pegawai tersebut adalah Encik Muhammad Nasyran Bin Abdul Shukor sebagai Pegawai Teknologi Maklumat (F41). Penempatan beliau di Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi, berkuatkuasa pada 15 Ogos 2024. Berkelulusan Sarjana Muda Sains Komputer daripada Universiti Teknologi Mara.

#### **4) TARIKH AKHIR PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL KEDUA 2024 & PROMOSI KHAS MELALUI ASPIRE SEBERANG PERAI**

Adalah dimaklumkan bahawa **PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL KEDUA 2024 & PROMOSI KHAS MELALUI ASPIRE SEBERANG PERAI** telah bermula pada 1 Julai 2024 dan akan tamat pada 31 Ogos 2024. Promosi ini diadakan khas kepada seluruh pemilik premis di Seberang Perai yang membuat pembayaran cukai taksiran setahun 2024 berserta tunggakan (jika ada) melalui **saluran online, kiosk dan agensi kutipan yang telah dilantik sahaja.**

Sebanyak **tiga puluh (30) hadiah cabutan bertuah** telah disediakan oleh MBSP dan hadiah berkenaan adalah seperti berikut: -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	Wang Tunai RM5,555
Tempat Ke-2	Wang Tunai RM4,000
Tempat Ke-3	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke-4	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke-5	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke-6	Wang Tunai RM700
Tempat Ke-7	Wang Tunai RM500
Tempat Ke-8	Wang Tunai RM400
Tempat Ke-9	Wang Tunai RM300
Tempat Ke-10	Wang Tunai RM200
Tempat Ke-11 hingga Tempat Ke-30	Wang Tunai RM100

Serta sebanyak **tiga (3) hadiah cabutan bertuah** telah ditaja oleh ASPIRE Seberang perai dan hadiah berkenaan adalah seperti berikut: -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	LEM Folding Bike
Tempat Ke-2	LEM e-BIKE with Paddle
Tempat Ke-3	Electric Scooter

Saya dengan ini menyeru sekali lagi kepada semua pemilik premis agar segera merebut peluang keemasan ini dengan membuat bayaran cukai taksiran tahun 2024 berserta tunggakan (jika ada) bagi melayakkan anda dalam cabutan bertuah.

Maklumat lanjut berkaitan promosi serta terma dan syarat, sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di [waran@mbsp.gov.my](mailto:waran@mbsp.gov.my)

## **5) PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 2 SEPTEMBER 2024**

Dimaklumkan bahawa, 31 Ogos 2024 (Sabtu) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Kedua 2024. Mulai 2 September 2024 (Isnin), caj Notis E sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang belum menjelaskan cukai taksiran supaya membuat bayaran dengan kadar SEGERA. Adalah digalakkan supaya pemilik premis membuat pembayaran secara dalam talian, melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai, melalui kiosk atau agensi kutipan yang telah dilantik MBSP.

Semakan dan pembayaran juga boleh dibuat di semua kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya Bandar Perda dan Kaunter Cawangan Jawi.

## **6) MBSP MELARANG MENJALANKAN PEMAJUAN TANPA KEBENARAN MERANCANG**

MBSP telah menjalankan pendakwaan di Mahkamah terhadap pemunya tanah dan orang yang telah menjalankan aktiviti pemajuan tanpa kebenaran merancang di Seberang Perai Tengah iaitu menambun sawah padi bagi tujuan lot lidi. Pada 1 Ogos 2024, Orang Kena Saman (OKS) telah hadir ke Mahkamah Majistret Bukit Mertajam dan mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM25,000.00.

MBSP dengan ini mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai agar sentiasa mematuhi undang-undang dan tidak sewenang-wenangnya menjalankan aktiviti pemajuan kerja tanah tanpa kebenaran merancang terlebih dahulu daripada MBSP dan menjadikan tanah-tanah tersebut sebagai lot-lot lidi yang boleh menyebabkan berlakunya banjir lumpur kepada kawasan sekitar.

MBSP akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu atau syarikat yang didapati menjalankan aktiviti pemajuan kerja tanah tanpa kebenaran merancang atau menambun tanah bendang untuk dijual sebagai lot lidi. Turut dinasihatkan agar kita semua mematuhi kehendak notis-notis dan syarat-syarat yang telah dikeluarkan oleh MBSP.

## **7) MBSP MELARANG MENJALANKAN PEMAJUAN KERJA TANAH TANPA KEBENARAN MERANCANG**

MBSP telah menjalankan pendakwaan di Mahkamah terhadap pemunya tanah yang telah menjalankan aktiviti pemajuan kerja tanah tanpa kebenaran merancang di Seberang Perai Tengah iaitu menambun sawah padi bagi tujuan lot lidi. Pada 19 Ogos 2024, Orang Kena Saman (OKS) telah hadir ke Mahkamah Majistret Majlis Bandaraya Seberang Perai dan mengaku bersalah atas dua (2) pertuduhan tersebut dan dijatuhkan hukuman denda masing-masing sebanyak RM10,000.00 dan RM5,000.00.

MBSP dengan ini mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai agar sentiasa mematuhi undang-undang dan tidak sewenang-wenangnya menjalankan aktiviti pemajuan kerja tanah tanpa kebenaran merancang daripada MBSP dan menjadikan tanah-tanah tersebut sebagai lot-lot lidi yang boleh menyebabkan berlakunya banjir lumpur kepada kawasan sekitar.

MBSP akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu atau syarikat yang didapati menjalankan aktiviti pemajuan kerja tanah tanpa kebenaran atau menambun tanah bendang untuk dijual sebagai lot lidi. Turut dinasihatkan agar kita semua mematuhi kehendak notis-notis dan syarat-syarat yang telah dikeluarkan oleh MBSP.

## **8) SAMBUTAN HARI MALAYSIA**

Dimaklumkan Hari Malaysia akan disambut pada 16 September, pada setiap tahun untuk memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia di mana Sabah dan Sarawak telah menyertai Malaysia pada 1963. 16 September 2024 (Isnin) adalah merupakan hari kelepasan am. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Malaysia kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang.

## **9) SELAMAT MENYAMBUT HARI BANDARAYA KALI KE-5 TAHUN 2024**

Dimaklumkan bahawa 16 September 2024 juga adalah sambutan Hari Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai. Tahun 2024 merupakan sambutan Hari Bandaraya kali ke-5. Majlis Perbandaran Seberang Perai secara rasminya dinaik taraf dan dikenali Majlis Bandaraya Seberang Perai pada 16 September 2019. MBSP merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ke-15 diiktiraf sebagai Majlis Bandaraya di negara ini.

Sehubungan itu, MBSP akan mengadakan pelbagai program sepanjang dari 14 September 2024 sehingga 16 Oktober 2024, sempena Sambutan Hari Bandaraya. Pelbagai program yang menarik yang telah dirancang, antaranya adalah seperti berikut:

- i. Memperbaharui Ikrar Kakitangan dan Ikrar Kualiti Tahun 2024
- ii. Pertandingan Bola Jaring 3 Sebelah Tertutup Kategori Lelaki Dan Wanita MBSP 2024
- iii. Misi K2M @ Gunung Tahan
- iv. Majlis Bacaan Yaasin dan Doa Selamat
- v. Pertandingan Memancing
- vi. Anugerah Apresiasi Strata Seberang Perai 2024 "APRESS 2024"
- vii. Majlis Anugerah Pekerja Contoh MBSP Tahun 2024
- viii. Program Derma Darah
- ix. Karnival Sambutan Hari Bandaraya pada 28 September 2024;
  - Sukan Piala datuk Bandar
  - Ops CroSS Mega
  - Pameran Jabatan-Jabatan MBSP
  - Pameran Agensi Luar
  - Gerai Jualan Makanan & Barang
  - Zon Permainan Kanak-kanak & Sukaneka
  - Program Walkabout Makanan Tradisional
  - Pertandingan Mewarna
  - Pertandingan Congkak & Batu Seremban
  - Pertandingan Membuat Kerabu

- x. Program Karnival Haiwan Kesayangan “Seberang Perai Pet Carnival” (SPETCIAL 2.0) pada 5 Oktober 2024;
- xi. Kuliah Maghrib pada 9 Oktober 2024;
- xii. Hari Terbuka PUSKEB (PUSKIDZANIA) pada 16 Oktober 2024;
- xiii. *Quality Appreciation Day* pada 16 Oktober 2024.

Sekian, terima kasih.